

# EXCO Kerohanian JAKMAS Excellent anjur program Syifaul Islam Asas Perubatan Islam

UB 9/11/20 15

**KOTA KINABALU:** Exco Kerohanian, JAKMAS Kolej Kediaman Excellent, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Syifaul Islam Asas Perubatan Islam (Pendaftaran dari Sihir dan Gangguan Syaithan) pada 21 dan 22 Disember 2019.

Program selama dua hari ini dijalankan di Dewan Kuliah Pusat Lama (DKP 2), UMS bermula pada jam 9 pagi dan berakhir pada 5 petang dan terbuka kepada semua warga UMS terutamanya mahasiswa mahasiswi Kolej Kediaman Excellent.

Pengarah program Mohd Saiful Azam Lokman Al-Hakim berkata, program ini bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai warga UMS didedahkan dan dididik tentang pengetahuan asas

perubatan Islam melalui medium yang betul.

Beliau berharap dengan program anjuran Exco Kerohanian dan Pembangunan Sains ini, ia mampu memberi manfaat kepada semua yang terlibat. Seterusnya dapat mengaplikasikan ilmu dalam diri dan juga masyarakat.

Program anjuran Jakmas Exco Kerohanian Kolej Kediaman Excellent, Universiti Malaysia Sabah disertai pelajar Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej dan Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Terdapat sebanyak dua penyertaan daripada orang awam. Antara tetamu jempitan dalam program ini ialah Pengetua Kolej Kediaman Excellent iaitu Dr. Syahrudin Hj. Awg Ahmad, felo-felo

blok dan JAKMAS.

Terdapat dua slot bagi program ini. Ustaz Jimmis Jumaat menyampaikan ceramah bagi slot pertama. Manakala Ustaz Nazrie Petir menyampaikan ceramah bagi slot kedua.

Antara pengisian dalam program Syifaul Islam ini ialah, mengenal dengan lebih mendalam mengenai asas perubatan Islam dan perbezaannya dengan perubatan lain.

Ciri-ciri gangguan jin, teknik ruqyah yang betul dan banyak lagi. Keistimewaan program ini ialah mata SDP, dan Merit KKE kepada pelajar.

Makanan juga disediakan disamping pelajar dan orang awam yang datang akan memperoleh ilmu tentang asas perubatan Islam.